



**PEKELILING EDARAN LUAR
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 1/2019**

**SEMUA PENGUSAHA DAN PEMILIK KELAS LESEN PENGANGKUTAN AWAM DI
NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**HAD UMUR KENDERAAN PERKHIDMATAN
AWAM DI NEGERI SABAH DAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan had umur kenderaan perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2019 bertarikh 26 Februari 2019 melalui perbincangan dasar dan polisi LPKP Sabah telah menyemak dan bersetuju untuk meminda syarat-syarat penetapan had umur bagi kenderaan perkhidmatan awam yang beroperasi di Negeri Sabah dan W.P Labuan.

2.2 Penetapan semula had umur kenderaan bagi semua kelas lesen teksi ini adalah bertujuan untuk meningkatkan imej dan mutu perkhidmatan teksi dan kereta sewa di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan agar sentiasa berada di tahap yang terbaik supaya keselesaan dan keselamatan para pengguna terjamin.

2.3 Disamping itu, keputusan tersebut turut bertujuan untuk mengurangkan beban kos dan memberi peluang kepada pengusaha teksi mendapatkan kenderaan untuk dilesenkan.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Lembaga LPKP Sabah telah mengambil ketetapan dan bersetuju supaya had umur kenderaan pengangkutan awam bagi kelas lesen Teksi, Teksi Mewah, Teksi Lapangan Terbang, Kereta Sewa dan Kenderaan e-Hailing Persendirian dikira bermula daripada tarikh-tarikh berikut:

3.1.1 Kenderaan Pemasangan Tempatan (*Completely Knocked Down-CKD*) bermula dari tarikh pendaftaran di Jabatan Pengangkutan Jalan;

3.1.2 Kenderaan Pemasangan Luar (*Completely Built-Up – CBU*) bermula dari tahun kenderaan diperbuat.

3.2 Ahli Lembaga LPKP Sabah turut mengambil ketetapan dan bersetuju agar had umur kenderaan meliputi semua kelas perkhidmatan awam adalah seperti berikut:

KELAS LESEN	PERMOHONAN BAHARU	GANTI KENDERAAN	HAD UMUR
	TAHUN		
BAS EKSPRESS	≤10	≤10	20
BAS MINI/ BAS BERHENTI-HENTI - Bas (24-44 tempat duduk) - Bas Mini (12 tempat duduk)	≤10	≤15	25
	≤10	≤10	25
BAS MINI DAERAH SELAIN DARIPADA KK, SANDAKAN TAWAU DAN W.P. LABUAN	-	-	30
BAS MINI W.P. LABUAN	-	-	35
BAS PENGANTARA	BAHARU	BAHARU	10
BAS SEKOLAH	≤15	≤20	30
BAS PEKERJA	≤10	≤15	25
BAS CATAR	≤10	≤15	25

TEKSI BANDAR	≤10	≤10	20
TEKSI LAPANGAN TERBANG	≤10	≤10	18
TEKSI LUAR BANDAR	-	-	-
TEKSI MEWAH/ LIMOSIN	≤10	≤10	18
KERETA SEWA (MPV/VAN/SALON)	≤10	≤10	20
KERETA SEWA (4WD)	≤10	≤20	30
KERETA SEWA PANDU	BAHARU	BAHARU	10
KENDERAAN E-HAILING	≤9		10

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan had umur kenderaan perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan **berkuatkuasa pada 1 April 2019**.

4.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling LPKP Bil. 2/2018 bertarikh 30 April 2018 dan sebarang arahan berkaitan sebelum ini adalah terbatal.

5.0 PENUTUP

5.1 Pekeliling ini hanya terpakai kepada kenderaan perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

5.2 Untuk maklumat lanjut berhubung perkara ini hendaklah dirujuk kepada Ibu Pejabat LPKP Kota Kinabalu, Sabah.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,


(ARFIAN BIN JULIAN)
Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

1 April 2019

s.k.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Setiausaha Bahagian, Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah

Ketua Jabatan Siasatan & Penguatkuasaan Trafik Negeri Sabah

PUSPAKOM Negeri Sabah

Ketua Cawangan LPKP Sandakan

Ketua Cawangan LPKP Tawau